

# **Bagaimana Allianz Malaysia Berhad dan syarikat-syarikat gabungannya<sup>1</sup>(secara kolektif dirujuk sebagai "Allianz" atau "kami") mengendalikan data peribadi anda yang diperoleh dari lawatan anda ke laman web kami atau penggunaan aplikasi web/ aplikasi mudah alih kami ( "secara kolektif, Platform Allianz")**

Perniagaan teras kami termasuk Insurans Am dan Hayat. Ini adalah maklumat sulit dan kami mengambil berat akan harapan anda terhadap keselamatan data peribadi anda. Kami komited untuk melindungi data peribadi anda dengan selamat, justeru, kami telah mereka bentuk prosedur untuk memastikan privasi data peribadi anda dalam semua aspek hubungan kami. Sama ada anda seorang pengguna, pelanggan, ejen, pemohon kerja atau pemegang saham, anda dilindungi, bukan sahaja oleh undang-undang privasi yang terpakai , tetapi, yang lebih penting, komitmen kami untuk melindungi privasi data peribadi anda dan anda mempunyai hak untuk memutuskan cara data peribadi anda akan digunakan.

Notis privasi ini terpakai ke atas sebarang data yang diperolehi oleh Allianz melalui penggunaan anda di Platform Allianz. Ia tidak terpakai kepada mana-mana laman web yang dikawal oleh pihak ketiga yang tidak bergabung dengan Allianz yang boleh dipautkan oleh Platform Allianz ("Laman Pihak Ketiga"). Sila semak kenyataan privasi di Laman Pihak Ketiga kerana Allianz tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai pengaruh ke atas kandungan atau amalan privasi Laman Pihak Ketiga.

Terma notis privasi ini tertakluk kepada sebarang terma tambahan, penafian atau terma kontrak lain yang anda telah bersetuju dengan Allianz seperti [notis privasi pelanggan](#), dan sebarang undang-undang dan peraturan mandatori yang terpakai ke atas kami.

## **NOTIS**

Sekiranya kami ingin mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi yang diperoleh daripada penggunaan Platform Allianz oleh anda, kami akan mendedahkan perkara ini kepada anda. Apabila anda melengkapkan sebarang borang di laman web kami atau mendaftar akaun web/aplikasi mudah alih dengan kami, ambil maklum bahawa anda telah bersetuju memberikan data peribadi anda dan kami berhak untuk memproses dan menggunakan data peribadi anda mengikut notis privasi ini.

## **PILIHAN**

Kami hanya akan mengumpul data peribadi anda setakat yang diperlukan untuk membantu kami dalam memenuhi pelbagai keperluan anda. Anda berhak untuk tidak memberikan data peribadi yang diminta, akan tetapi, sekiranya anda tidak memberikan data peribadi yang kami perlukan, kami tidak akan dapat memberikan anda perkhidmatan dan/atau produk yang diminta.

## **TUJUAN**

Data peribadi anda yang dikumpul dari penggunaan Platform Allianz boleh digunakan untuk tujuan berikut:

- untuk memberi anda akses kepada kandungan di Platform Allianz;
- untuk memproses dan mentadbir akaun anda, untuk melaksanakan permintaan atau transaksi oleh borang yang disediakan di Platform Allianz atau mana-mana dokumen lain yang anda serahkan kepada kami dari semasa ke semasa ;
- untuk membantu kami dalam mereka bentuk produk dan perkhidmatan baharu atau mempertingkatkan produk dan perkhidmatan sedia ada yang disediakan oleh kami;
- untuk berkomunikasi dengan anda termasuk menghantar komunikasi pentadbiran dan teknikal kepada anda tentang mana-mana akaun yang mungkin anda miliki dengan kami, untuk memberikan sokongan teknikal atau memaklumkan tentang perubahan masa hadapan pada notis privasi ini;
- untuk penyelidikan statistik atau aktuari yang dijalankan oleh Allianz, industri perkhidmatan kewangan atau pihak berkuasa kerajaan;
- untuk analisis maklumat lanjutan, pemadanan maklumat, perniagaan dan tujuan pentadbiran;
- untuk memantau penggunaan Platform Allianz anda dan menjalankan analisis untuk mengendalikan, menilai dan menambah baik perkhidmatan kami, memahami keutamaan anda dan menyelesaikan sebarang masalah;
- untuk membantu dalam tujuan penguatkuasaan undang-undang, penyiasatan oleh polis atau pihak berkuasa kerajaan dan untuk memenuhi keperluan undang-undang terpakai ke atas kami;
- untuk memperincikan rupa bentuk Platform Allianz;
- untuk mensyorkan produk, maklumat dan perkhidmatan yang berkaitan dan mempromosikan iklan yang disasarkan pada Platform Allianz atau melalui saluran lain;
- tujuan lain seperti yang dimaklumkan pada masa pengumpulan; dan
- tujuan lain yang berkaitan secara langsung dengan mana-mana perkara di atas.

Melainkan dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan yang berkenaan, kami akan mendapatkan persetujuan daripada anda sekiranya kami ingin menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam notis privasi ini.

## **PERKONGSIAN**

Kami akan memastikan bahawa data peribadi anda diproses selaras dengan tujuan yang dinyatakan di atas. Untuk tujuan yang dinyatakan, data peribadi anda mungkin didedahkan kepada pihak berikut yang beroperasi sebagai pihak ketiga pengguna data atau pemproses data:

- Syarikat-syarikat Allianz
- Ejen sah, penyedia perkhidmatan dan agensi analisis penyelidikan
- Fasilitator, perunding atau pakar yang menguruskan komunikasi untuk Allianz
- Agensi kerajaan, kerajaan dan badan kawal selia

Apabila kami menyediakan statistik yang kami kumpulkan daripada penggunaan Platform Allianz berkenaan dengan pelawat, pelanggan, corak trafik dan perkhidmatan, statistik ini tidak akan mempunyai sebarang data peribadi yang mengenal pasti individu.

Jika maklumat sensitif (iaitu keadaan kesihatan, asal-usul kaum atau etnik, pendapat politik, kepercayaan agama atau falsafah, dll ) diperoleh melalui Platform Allianz sama sekali, kami tidak akan memindahkannya kepada pihak ketiga atau ahli gabungan melainkan ia adalah untuk tujuan memenuhi permintaan anda, memberi perkhidmatan kepada anda, dibenarkan oleh undang-undang atau jika anda memberikan kebenaran nyata anda.

Data peribadi anda mungkin diproses di dalam dan di luar negara daripada negara asalnya oleh pihak yang dinyatakan di atas, namun ianya tertakluk pada sekatan kontrak mengenai kerahsiaan dan keselamatan selaras dengan undang-undang dan peraturan perlindungan data yang berkenaan. Kami tidak akan mendedahkan data peribadi anda kepada pihak yang tidak diberi kuasa untuk memprosesnya.

## **PENYIMPANAN**

Allianz boleh menyimpan data peribadi anda selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan pengumpulannya atau sebagaimana yang diperlukan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

## **AKSES**

Kami menghormati hak privasi anda, terutamanya hak anda untuk mengakses data peribadi anda. Anda boleh meminta maklumat yang kami simpan mengenai anda setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan.

Sekiranya anda percaya bahawa terdapat kesilapan data peribadi yang diperoleh daripada anda, kami akan membetulkan data peribadi tersebut selepas membuat pengesahan ke atas maklumat tersebut dan identiti anda. Anda juga boleh membuat

permintaan untuk memadamkan akaun web/aplikasi mudah alih berdaftar yang anda miliki dengan kami. Untuk melindungi privasi dan keselamatan anda, kami perlu mengambil langkah yang munasabah untuk mengesahkan identiti anda sebelum memberikan akses, membuat pembetulan atau membuat pemadaman.

## PENJEJAKAN WEB

Kami mungkin mengumpul maklumat tentang lawatan anda ke laman web kami untuk membantu kami mengukur dan menambah baik laman web kami. Contoh maklumat yang kami kumpulkan termasuk: hari dan masa lawatan anda, sama ada anda pernah melawat laman web kami sebelum ini, sama ada anda menggunakan enjin carian untuk mencari kami dan beberapa maklumat geografi tentang negara dan negeri yang anda berada.

Kami menggunakan Google Analytics, perkhidmatan analitik web yang disediakan oleh Google, Inc. Google Analytics menggunakan "kuki pelayar", iaitu fail teks yang diletakkan pada komputer anda untuk membantu laman web menganalisis cara pengguna menggunakan laman web. Maklumat yang dijana oleh kuki pelayar tentang penggunaan laman web anda akan dihantar dan disimpan oleh Google di Amerika Syarikat.

IP-anonimisasi aktif di laman web kami. Google akan menggunakan maklumat ini bagi pihak pengendali laman web kami untuk tujuan menilai penggunaan laman web kami oleh anda, menyusun laporan mengenai aktiviti laman web untuk pengendali laman web dan memberikan mereka perkhidmatan lain yang berkaitan dengan aktiviti tapak web dan penggunaan internet. Alamat IP yang disampaikan oleh laman web anda dalam skop Google Analitis tidak akan dikaitkan dengan mana-mana data lain yang dipegang oleh Google. Anda boleh menolak penggunaan kuki layar dengan memilih tetapan yang sesuai pada laman anda, namun sila ambil perhatian bahawa jika anda melakukan ini, anda mungkin tidak dapat menggunakan fungsi penuh laman web ini.

Kami menyimpan data yang dijana oleh Alat Analitik dengan selamat dan tidak berkongsinya dengan pihak ketiga kecuali kepada kumpulan syarikat kami dan pembekal perkhidmatan kami jika perlu untuk tujuan berikut:

- untuk perkhidmatan pengehosan web untuk laman web ini; dan/atau
- untuk mengumpul data bukan peribadi (menggunakan kuki layar) untuk menilai keberkesanan laman web untuk aktiviti pemasaran dalam talian dan untuk menjana data statistik.

Kami menggunakan kuki layar untuk memberikan laman web yang mesra pengguna, selamat dan berkesan. Secara asal, tetapan kuki layar di laman web kami telah ditetapkan kepada "Benarkan semua kuki layar". Jika anda meneruskan, anda bersetuju dengan ini.

Untuk maklumat tentang menyah aktif kan kuki layar ini, , sila pergi ke bahagian tetapan privasi dalam laman anda. Anda boleh menyah aktifkan Google Analitis pada komponen laman anda sebagai bagi pilihan keluar yang disediakan oleh Google. Untuk menyah aktifkan tindakan Google Analitis, sila rujuk pautan di bawah:

- Untuk tidak dijejaki oleh kuki Google Analitis, anda boleh pergi ke <http://tools.google.com/dlpage/gaoptout>.

## BAGAIMANAKAH PLUGS-IN SOSIAL MEDIA DIGUNAKAN PADA LAMAN WEB KAMI?

Laman web kami menggunakan plugs-in sosial media ("plug-in"):

- Kongsi di Facebook, dikuasakan oleh Facebook Inc., 1601 S. California Ave., Palo Alto, CA 94304, Amerika Syarikat;
- Kongsi di Facebook, dikuasakan oleh Facebook Inc., 1601 S. California Ave., Palo Alto, CA 94304, Amerika Syarikat; Butang Tweet , dikuasakan oleh Twitter Inc., 795 Folsom St., Suite 600, San Francisco, CA 94107, AS;

Semua plugs-in ditunjukkan dengan nama jenama Operator Facebook, Google dan Twitter masing-masing ("Operator"). Untuk meningkatkan tahap perlindungan data dan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan, kami telah melaksanakan program tambahan melalui penyelesaian 2 klik. Prosedur ini memastikan bahawa apabila anda melawati laman web kami, tiada sambungan langsung pelayar anda ke pelayan Operator diwujudkan. Hanya jika anda mengaktifkan plugs-in dengan mengklik padanya dan dengan itu memberikan persetujuan anda untuk pemindahan data, laman web, anda mewujudkan sambungan terus ke Operator masing-masing. Kandungan plugs-in kemudiannya dihantar oleh Operator terus ke laman anda dan disepadukan oleh mereka ke dalam laman web.

Dengan menerima plugs-in, Operator menerima maklumat bahawa laman anda telah mengakses laman web kami. Sekiranya anda log masuk ke akaun anda apabila anda melawati laman web kami , Operator boleh menyambungkan lawatan anda ke akaun anda secara terus. Jika anda berinteraksi dengan plugs-in, contohnya dengan mengklik pada butang Facebook atau butang Tweet, data akan dipindahkan terus dari pelayar anda kepada Operator dan disimpan oleh Operator. Selain itu, maklumat tersebut akan diterbitkan pada rangkaian sosial yang berkaitan atau pada akaun Twitter anda dan akan dapat dilihat oleh kenalan anda. Jika anda tidak mahu pemindahan data ini kepada Operator, anda mesti log keluar dari akaun anda masing-masing sebelum anda mengklik pada plugs-in dan mengaktifikannya.

Untuk maklumat lanjut tentang tujuan dan skop pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan data, sila rujuk kepada pernyataan privasi di bawah:

Facebook: <https://de-de.facebook.com/about/privacy/>

Instagram: <https://privacycenter.instagram.com/policy>

Twitter: <https://twitter.com/privacy>

LinkedIn: <https://www.linkedin.com/legal/privacy-policy>

Google: <https://policies.google.com/privacy?hl=ms-US>

Tiktok : <https://tiktok.com/legal/page/eea/privacy-policy/en>

## **KESELAMATAN MAKLUMAT**

Allianz telah menetapkan langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang munasabah untuk melindungi data peribadi anda yang dikumpul oleh Allianz daripada akses yang tidak dibenarkan , penyalahgunaan, kehilangan atau kemuatan.

## **PENGUATKUASAAN**

Undang-undang Malaysia memberikan langkah untuk menguatkuaskan hak privasi anda. Di samping itu, pematuhan kepada dasar ini dipastikan oleh Pegawai Keselamatan Maklumat serta melalui proses audit.

## **PERTIMBANGAN SEMASA MENGHANTAR DATA MELALUI INTERNET**

Internet secara amnya tidak dianggap sebagai persekitaran yang selamat, dan maklumat yang dihantar melalui Internet (seperti ke atau dari laman web kami atau melalui mesej elektronik) boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan , yang berpotensi membawa kepada pendedahan, perubahan dalam kandungan atau kegagalan teknikal. Walaupun kedua-dua penghantar dan penerima berada di negara yang sama, maklumat yang dihantar melalui Internet mungkin dihantar merentasi sempadan antarabangsa dan dimajukan ke negara yang mempunyai tahap perlindungan data yang lebih rendah daripada di negara tempat tinggal anda.

Allianz tidak bertanggungjawab atau mempunyai liabiliti untuk keselamatan maklumat peribadi anda semasa dalam transit melalui Internet ke Allianz. Untuk melindungi privasi anda, anda boleh memilih cara komunikasi lain dengan Allianz, yang anda anggap sesuai.

## **PERTANYAAN MAKLUMAT MENGENAI PRIVASI DATA PERIBADI**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai privasi data peribadi anda di Allianz, anda boleh berhubung dengan pegawai perlindungan data peribadi kami melalui salah satu cara berikut:

- mengisi borang pertanyaan di bawah

### **Borang Pertanyaan**

- email kami di:  
**[customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)**
- hantarkan surat kepada kami melalui perkhidmatan portal ke alamat kami di bawah:

**Pegawai Perlindungan Data Peribadi**

Allianz Malaysia Berhad  
Tingkat Bawah, Blok 2A,  
Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Kami bersedia untuk memberikan perkhidmatan kepada anda.

*· Syarikat-syarikat gabungan Allianz Malaysia Berhad merujuk kepada Syarikat-syarikat berkaitannya dan sekutu-sekutunya, termasuk Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad dan Allianz Life Insurance Malaysia Berhad.*